UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1994/95

Oktober/November 1994

SBP 201 - Struktur Sosial dan Pembangunan

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan sahaja. Soalan SATU (1) MESTI dijawab.

Semua soalan membawa markah yang sama (100 peratus).

1. Huraikan perkara-perkara berikut:

   [a] nilai lebihan dan bentuk-bentuk eksploitasi

   [b] perbezaan antara proses pengantarabangsaan dan 'pembahagian buruh antarabangsa baru'

   [c] perbezaan antara negara yang mempunyai otonomi secara relatif dengan negara sebagai alat kapitalis

   [d] tema yang menggariskan sistem-sistem kerja 'Taylorism' 'Fordism' dan 'neo-Fordism'

   [e] faktor-faktor yang mereda dan menghindarkan krisis ekonomi.

   [100 markah]

2. [a] Pierre Jalee (1977) cuba mendedahkan 'struktur asas dan mekanisme' kapitalisme. Apakah yang kamu faham dengan konsep tersebut?

   [100 markah]

...2/-

ATAU

[b] Pembangunan berbentuk kapitalisme semestinya menimbulkan berbagai masalah termasuk eksploitasi mendadak, pengangguran, kemiskinan, kawalan ke atas pekerja, kemelesetan ekonomi, kerosakan alam sekitar dan sebagainya. Kenapakah kepincangan-kepincangan ini berlaku bersama pembangunan?

[100 markah]

3. Keruntuhan ragam pengeluaran feudal melahirkan ragam pengeluaran kapitalis. Bincangkan bagaimana proses peralihan daripada feudalisme kepada kapitalisme berlaku.

[100 markah]

4. Bincangkan faktor-faktor utama yang mengembangkan proses pengumpulan dan pembangunan berbentuk kapitalisme ke peringkat antarabangsa atau global

[100 markah]

5. Tindakan dan pergolakan kelas diberi tempat yang penting dalam pendekatan pembangunan radikal. Apakah yang dimaksudkan dengan pergolakan kelas dan setakat manakah konsep ini penting untuk memahami pembangunan kapitalisme?

[100 markah]

- oo oOo oo -